

RABU

22 FEBRUARI 2023

1 SYA'BAN 1444H

“TAWASSUL”

TAZKIRAH SENAT

PROF. MADYA DR. AHMAD BIN CHE YAACOB

#JOM_WAKAF

CIMB ISLAMIC 8602945779



muslimterkini.com

designed by @meriana_mt

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ
وَجَاهِدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ٣٥

Artinya:

"Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah,

carilah wasilah (jalan untuk mendekatkan diri) kepada-Nya,

dan berjihadlah (berjuanglah) di jalan-Nya agar kamu beruntung.

(QS. Al Maidah Ayat 35)

Maksud Tawassul

- Berasal daripada perkataan “**wasilah**” bermaksud **perantara**.
- Ia mempunyai maksud yang sama dengan perkataan istighatsah, isti’anah, tawajjuh, dan tawajjah.
- Dari segi istilah, tawassul bermaksud: **“Wasilah yang dengannya boleh sampai terhasilnya apa yang dikehendaki”**.

- Ia juga bermaksud: “***Memohon kepada Allah agar terhasilnya manfaat atau terhindarnya mudarat dengan menyebut nama Nabi atau wali sebagai memuliakan keduanya dalam bertawassul***”.
- Tawassul juga bermaksud mendekatkan diri kepada Allah atau berdoa kepada Allah dengan menggunakan wasilah atau mendekatkan diri kepada Allah dengan bantuan perantara.

Tawassul Yang Dibenarkan

- **Pertama**: Bertawassul dengan menyebut Nama-nama Allah SWT.
- Firman Allah SWT dalam surah Al-A'raf ayat 180, maksudnya: ***“Dan Allah memiliki nama-nama yang indah, maka berdoalah kepadaNya dengan menyebut nama-namaNya”***.

- Contohnya berdoa dengan menyebut:
- “Ya Allah. Ya Ghaffar. Ya Razzaq. Ya Rahman. Ya Rahim.
- **“Ya Ghaffar, ighfirli” (Wahai Allah Yang Maha Pengampun, maafkan lah kesalahan aku).**
- **“Ya Razzaq, urzuqni” (Wahai Tuhan Maha Pemberi Rezeki kurniakanlah rezeki bagiku).**
- **“Ya Rahman Ya Rahim, irhamni” (Wahai Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Pengasih, rahmatilah daku).**


Seri
Selebritas
Langit

TIGA
ANANDA

Uwais Sangat Terkenal di Langit

katabaca.com & ebookanak.com

Penerbit: Tiga Ananda (Tiga Serangkai)



Fadila Hanum & A.W. Wibowo
Ilustrator: Yul C.

- **Kedua**. Bertawassul dengan orang yang soleh.
- Iaitu dengan berjumpa orang yang soleh yang mengikut ajaran Islam yang sebenar, lalu meminta agar orang soleh itu mendoakan untuk kita.
- Kisah Umar bin Al-Khattab RA yang berjumpa dengan Uwais bin Al-Qarni dan meminta agar dia berdoa untuknya.
- Hadis Nabi Muhammad SAW menyuruh para sahabat untuk mencari Uwais Al-Qarni dan memohon agar dia beristighfar untuk mereka.

- Dari Umar bin Al-Khattab, beliau berkata; Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:
“Sesungguhnya sebaik-baik tabi’in adalah seorang lelaki yang disebut Uwais, dia mempunyai ibu dan dia memiliki tanda putih. Maka perintahkanlah agar dia beristighfar untuk kalian” (Riwayat Muslim).

- Apabila datang rombongan dari Yaman, Umar bin Al-Khattab bertanya: “**Adakah di antara kalian ada Uwais bin Amir?**”. Apabila Uwais datang, adakah anda Uwais bin Amir? Ya jawab Uwais. Adakah anda datang dari Murad? kemudian ke Qaran? Ya, jawab Uwais. Adakah anda pernah mengidap penyakit kusta kemudian sembuh, kecuali ada tanda putih sebesar dirham? Ya, jawab Uwais. Adakah anda mempunyai ibu? Ya, jawab Uwais.

- Umar berkata; aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: ***“Akan datang kepada kalian Uwais bin Amir bersama sekumpulan penduduk dari Yaman dari Murad kemudian Qaran. Dulu dia pernah mengidap penyakit kusta kemudian dia sembuh kecuali sebesar dirham, dia mempunyai ibu yang dia berbakti kepadanya. Kalau dia bersumpah atas nama Allah, nescaya Allah akan perkenankan. Jika kamu dapat meminta agar dia memohon ampun untukmu, lakukanlah. Maka (wahai Uwais) mohonlah ampun untukku”***. Kemudian Uwais memohon ampun untuk Umar”. (Riwayat Muslim).

- **Ketiga:** Bertawassul dengan amal soleh yang pernah dikerjakan.
- Hadis tiga orang yang terperangkap dalam gua dalam berdoa kepada Allah agar mereka dapat keluar dengan menyebut amal soleh yang pernah dikerjakan.
- Orang yang pertama berdoa mengatakan dia mempunyai ibubapa dan dia taat kepada ibubapa serta sentiasa berkhidmat kepada kedua-duanya.

- Orang kedua berdo'a dengan menyebut bahawa dia hampir berzina tetapi dia akhirnya membuat keputusan untuk tidak berzina kerana takutkan azab Allah.
- Orang ketiga pula berdo'a dengan menyebut dia menjaga amanah dan menyerahkan amanah kepada orang yang berhak menerimanya.
- Akhirnya, batu yang menutup pintu gua terbuka dengan izin Allah.

Kesimpulan

1. Para ulamak ijmak membolehkan bertawassul.
2. Antaranya ialah bertawassul dengan menyebut nama-nama Allah, bertawassul dengan orang yang soleh dan bertawassul dengan amal kebaikan.
3. Tujuan bertawassul adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah dan menyakini bahawa hanya Allah sahaja yang layak dan berhak untuk memberi manfaat atau menghapuskan mudarat.

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ
وَأَتُوبُ إِلَيْكَ .

“Maha Suci Engkau, ya Allah, aku memuji kepada-Mu. Aku bersaksi, bahawa tiada Tuhan selain Engkau, aku minta ampun dan bertaubat kepada-Mu”